

07 DEC 2000

MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Ke-41.

Mesyuarat yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri di sini, turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri.

Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam negeri kecuali Kelantan dan Terengganu turut menyertai mesyuarat hari ini.

Pejabat Perdana Menteri dijangka akan mengeluarkan kenyataan berhubung mesyuarat itu pada sebelah petang ini.

-- BERNAMA

AFY GM RON